

**Malaysia di landasan tepat capai pertumbuhan 6%**  
**Malaysiakini.com**  
**July 08, 2010**

Malaysia dalam kedudukan untuk mencapai sasaran pertumbuhan enam peratus tahun ini seiring dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik di Asia, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

"Pertumbuhan di China, India, Vietnam dan Indonesia adalah baik dan semakin baik dan kita dalam kedudukan untuk mencapai sasaran pertumbuhan enam peratus," katanya selepas merasmikan Seminar Mengenai Peluang Pada 2010 dan Melangkauinya Bagi Pelabur dan Syarikat Asia MPH Power-Packed oleh Jim Rogers di Petaling Jaya, hari ini.

Mengulas Bajet 2011, Nor Mohamed berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, akan membentangkannya di Parlimen pada 15 Oktober ini.

Pada masa ini, input sedang dikumpulkan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan.

Selasa lalu, Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata Bajet 2011 akan menetapkan rentak transformasi Malaysia ke arah ekonomi maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Beliau berkata, ia akan dicapai melalui empat tonggak agenda transformasi negara, iaitu Konsep 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan, Model Baru Ekonomi (MBE) dan Rancangan Malaysia Ke-sepuluh (RMK10).

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/136773>